

08/02/1997

Gerakan setuju kerahan tenaga

KUALA LUMPUR, Jumaat - Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, meminta kerajaan memastikan program kerahan tenaga tidak terhad kepada belia Melayu, sebaliknya membabitkan belia semua bangsa di seluruh negara.

Menurutnya, masalah sosial ketika ini bukan saja membabitkan belia Melayu malah semua bangsa dan dengan itu adalah wajar langkah itu dilaksanakan secara menyeluruh.

Beliau berkata, melalui perbincangan tidak rasminya dengan Perdana Menteri, beliau difahamkan program itu terbuka kepada semua kaum.

Katanya, pembangunan negara yang semakin pesat dan tahap ekonomi rakyat yang bertambah baik, rakyat khususnya belia sering menyalahgunakan kelebihan itu sehingga menyebabkan pelbagai masalah sosial.

"Dengan itu, cadangan kerajaan untuk melaksanakan program kerahan tenaga ini tepat pada masanya.

"Malah, kita juga bersetuju dengan konsep program ini yang tidak terlalu bersifat ala tentera sebaliknya menekankan kepada tanggungjawab terhadap masyarakat," katanya kepada pemberita di majlis rumah terbuka Tahun Baru Cina Gerakan, di sini hari ini.

Beliau mengulas langkah kerajaan untuk menimbang cadangan supaya lepasan sekolah menyertai program kerahan tenaga, dalam usaha mengurangkan gejala sosial khususnya di kalangan belia Melayu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata cadangan itu adalah antara pandangan yang akan dikaji kerajaan selain menilai semula isi kandungan sistem pendidikan Islam di sekolah sebelum merangka program bersepadu untuk memerangi gejala berkenaan.

Cadangan supaya mewujudkan program latihan yang menerapkan disiplin ala-tentera selain pembinaan diri dan sahsiah di kalangan pelajar itu, dibuat oleh seorang peserta Perjumpaan Khas Mengenai Masalah Sosial di Kalangan Umat Islam di Pusat Islam, Selasa lalu.

Dr Lim berkata, melalui program itu belia harus diberi latihan ala-tentera bagi mendisiplinkan mereka selain meningkatkan kefahaman mengenai kesetiaan berkhidmat dengan negara.

Beliau berkata, langkah itu akan melahirkan bangsa Malaysia dengan nilai murni selaras dengan hasrat kerajaan mewujudkan bangsa Malaysia baru menjelang 2020.

Menurutnya, latihan kepada lepasan sekolah itu mungkin boleh diadakan ketika menunggu keputusan peperiksaan bagi memastikan ia tidak menjejaskan peluang pendidikan atau pekerjaan pelajar terbabit.

Malah, beliau mencadangkan supaya latihan berkenaan diadakan dalam tempoh yang singkat iaitu antara tiga ke enam bulan atau maksimum satu tahun.

(END)